

**SIARAN MEDIA
SEGERA**

UNTUK SIARAN

Pentas Seni Merdeka Terus Meningkatkan Ruang Awam di Pusat Bandar Kuala Lumpur dengan Edisi Kedua – Muzik dan Tarian Borneo

Think City dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bersama Yayasan Hasanah memperkuuh Kuala Lumpur sebagai daerah kreatif dan budaya melalui seni awam

KUALA LUMPUR, 10 SEPTEMBER – Berikutan kejayaan majlis pelancaran baru-baru ini, Pentas Seni Merdeka kembali bersemangat untuk merancakkan semula Pusat Bandar Kuala Lumpur dengan penyerapan Muzik dan Tarian Borneo. Inisiatif seni buat pihak awam secara percuma dianjur bersama Think City dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) setiap bulan dalam usaha berterusan untuk meningkatkan ekuiti melalui pengaktifan ruang awam. Edisi Kedua – Muzik dan Tarian Borneo telah berlangsung di Jalan Raja pada 10 September (Sabtu) daripada pukul 8:30 malam dan seterusnya.

Sempena Hari Malaysia, Pentas Seni Merdeka edisi kedua ini membawa pengunjung di Bandaraya ke bumi Borneo untuk menerokai seni dan budayanya melalui bengkel tarian dan persembahan muzik yang mengasyikkan. Program edisi ini terhasil daripada kerjasama dengan pemuzik yang telah memenangi pelbagai anugerah, Alena Murang - seorang penyanyi-penulis lagu dan pemuzik sape profesional wanita terulung. Program ini juga menyajikan persembahan oleh Artis Budaya dan Kombo DBKL, serta aktiviti khas buat para pengunjung seperti bengkel Tarian Datun Julud, bengkel Magunatip atau “Tarian Buluh”, dan Sumpit. Inisiatif seni awam ini juga telah dijayakan dengan sokongan Yayasan Hasanah melalui inisiatif *Arts For All Seasons* (ArtsFAS) yang merupakan sebahagian daripada *Hasanah Special Grant*, sebuah usahasama dengan Kementerian Kewangan.

YB Dato' Hajjah Hanifah Hajar Taib, Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak) berkata, “Integrasi kegiatan dan prasarana berdaya cipta dan berbudaya adalah asas dalam mewujudkan bandar yang lebih bertenaga. Budaya mempunyai kuasa untuk memampam dan mengubah bandar-bandar, mengukuh masyarakat tempatan dan mewujudkan jati diri. Di negara yang mempunyai kepelbagaiannya budaya seperti Malaysia – kemeriahannya bandar kita boleh dizahirkan semula melalui penggabungan persembahan seni budaya yang berbeza dengan prasarana bersejarah kita. Pentas Seni Merdeka mengangkat dan menyerlahkan kepelbagaiannya masyarakat yang wujud di Malaysia, menyatukan kita sekali lagi melalui alam daya cipta dan budaya. Adalah menjadi harapan saya agar lebih banyak kerjasama dan pewujudan tempat yang dipacu masyarakat akan dilaksanakan untuk menjadikan ruang awam kita mendapat sambutan hangat daripada dan mewakili rakyat Malaysia dari semua latar belakang.”

Hamdan Abdul Majeed, Pengarah Urusan Think City berkata, “Ruang awam adalah sangat penting untuk bandar dan masyarakat. Tempat di mana orang bertemu, meluangkan masa dan menyulam kenangan manis. Berikutnya majlis pelancaran Pentas Seni Merdeka bulan Julai lepas yang telah mendapat sambutan meriah, kami berbesar hati melihat lebih ramai rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat berkumpul untuk acara hari ini, Edisi Kedua - Muzik dan Tarian Borneo. Pentas Seni Merdeka menunjukkan bagaimana seni boleh mengubah rupa dan suasana bandaraya seperti Kuala Lumpur, dan menghidupkan semula Dataran Merdeka yang bersejarah.

“Usaha sebegini menyumbang kepada pemulihan perniagaan di tengah Kuala Lumpur, yang telah mengalami cabaran besar dalam tempoh tiga tahun lepas. Melalui pelbagai inisiatif seni awam seperti Pentas Seni Merdeka, kita boleh mengambil langkah yang perlu untuk memulihkan aktiviti perniagaan di Pusat Bandar Kuala Lumpur, selain menggiatkan semula bandaraya pasca pandemik melalui pelaksanaan kandungan kreatif dan budaya.”

Dato’ Shahira Ahmed Bazari, Pemegang Amanah dan Pengarah Urusan Yayasan Hasanah berkata, “Kami berbesar hati dapat memainkan peranan dalam menghidupkan semula kesenian, warisan, dan ekosistem budaya selepas pandemik melalui inisiatif ArtsFAS kami. Fokus impak ini sejajar dengan komitmen Yayasan Hasanah untuk melindungi dan mempromosikan warisan dan kepelbagaian budaya kita.”

Demi menyokong visi Pusat Bandar Kuala Lumpur sebagai daerah budaya dan kreatif, Think City melancarkan program Program Geran Pusat Bandar Kuala Lumpur pada tahun 2021. Program ini bertujuan memacu ekonomi budaya tempatan, di samping pelbagai projek penambahbaikan alam awam dan lorong untuk meningkatkan dayahuni di dalam pusat bandar. Bertunjangkan semangat pemulihan pasca pandemik dan sebagai sebahagian daripada perancangan strategik jangka panjang untuk mengaktifkan ekonomi daya cipta dalam daerah warisan, program geran itu diperkenalkan semula dan dibuka untuk permohonan. Tarikh akhir untuk permohonan program adalah 16 September 2022.

Edisi Pentas Seni Merdeka seterusnya akan diadakan pada setiap Sabtu kedua setiap bulan di Jalan Raja. Edisi ketiga dijadualkan untuk berlangsung pada 8 Oktober; diikuti dengan dua edisi berikutnya pada 12 November dan 10 Disember. Setiap edisi akan menampilkan bentuk dan pengalaman seni tradisional yang berbeza untuk dinikmati pengunjung.

Untuk maklumat lanjut, layari www.thinkcity.com.my atau gunakan hashtag #mythinkcity di media sosial. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Program Geran Pusat Bandar Kuala Lumpur, layari www.thinkcity.com.my/downtownkl.

- TAMAT -

Mengenai Think City

Think City adalah sebuah organisasi berimpak tinggi yang ditubuhkan pada tahun 2009. Ia bertujuan menghasilkan pelestarian bandar yang lebih saksama demi faedah semua. Kemahiran, ilmu dan strategi Think City tertumpu kepada penyelesaian bandar, alam sekitar, komuniti sosial dan ekonomi budaya. Think City ialah anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad (Dana Kekayaan Berdaulat Kerajaan Malaysia). Untuk maklumat lanjut, sila layari www.thinkcity.com.my.

Mengenai Pusat Bandar Kuala Lumpur

Pusat Bandar Kuala Lumpur dikenalpasti sebagai sebahagian dari rancangan strategik untuk membangunkan daerah berdaya cipta dan berbudaya pertama negara di pusat bersejarah dan warisan Kuala Lumpur. Visi Pusat Bandar Kuala Lumpur adalah untuk mewujudkan tempat berdaya cipta dan berbudaya yang inklusif, tulen, dan berdaya maju di dalam bandar yang menyulam fabrik bersejarahnya untuk meningkatkan daya tarikan dan daya tarikan pengunjungnya. Inisiatif Think City dalam Pusat Bandar Kuala Lumpur bertujuan memperkisasikan industri berdaya cipta dan berbudaya untuk menjadi penyumbang penting kepada ekonomi negara di bandar yang pesat berkembang. Untuk maklumat lanjut, layari www.thinkcity.com.my/discover-kuala-lumpur-living-heritage/.

Diedarkan oleh bzBee Consult Sdn Bhd bagi pihak Think City.

Sila hubungi Ninot Aziz – +6019 396 6544; ninotaziz@bzbee.com.my untuk sebarang pertanyaan media.